

Shanmugam: Presiden tiada kuasa bincang isu, canggah dengan pemerintah

Nur' Adilah Mahbob

Berita Harian, 6 Ogos 2011

Menteri Undang-Undang, Encik K. Shanmugam, menjelaskan lagi semalam peranan Presiden Dipilih (EP) dan kedudukannya dari segi undang-undang.

Beliau berkata perdebatan sejauh ini, yang banyak tertumpu pada soal apakah Presiden boleh membincangkan isu-isu dan bercanggah dengan pemerintah di khalayak ramai, tidak mempunyai dasar-dasar undang-undang.

Dalam erti kata lain, sudah jelas dalam Perlembagaan Singapura bahawa presiden tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian.

Sebaliknya, Encik Shanmugam menjelaskan dari segi undang-undang Presiden:

- Hanya boleh bertindak dan bercakap secara awam atas nasihat Kabinet
- Tetap mempunyai pengaruh menerusi perbincangan yang kerap diadakan dengan Perdana Menteri
- Harus merahsiakan perbincangan-perbincangannya dengan Perdana Menteri

Beliau menjelaskan ini dalam satu forum anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS) semalam.

Dari segi undang-undang juga, ujar Encik Shanmugam, Presiden dalam menjalankan tugasnya tidak boleh menolak nasihat yang diberi Kabinet, dan beliau harus dilihat sebagai tidak menyebelahi mana-mana pihak, termasuk dalam perdebatan politik.

Menerangkan alasan bagi kedudukan ini, Encik Shanmugam berkata: 'Presiden melambangkan dan mewakili negara pada keseluruhannya. Oleh itu, beliau harus dilihat sebagai tidak terlibat dalam pertengkaran isu-isu politik.'

Menjelaskan lebih lanjut, Encik Shanmugam berkata peraturan itu juga bertujuan melindungi jawatan Presiden dan bagi tidak membebarkannya dengan tanggungjawab bagi dasar-dasar khusus.

Pada masa sama, Encik Shanmugam menekankan bahawa ini tidak bermakna Presiden tidak berkuasa langsung, kerana beliau mempunyai kuasa veto dalam bidang tertentu, termasuk melindungi rizab negara.

'Presiden boleh menasihati PM (Perdana Menteri) dalam beberapa perkara. Seorang PM akan menimbangkan nasihat itu, lebih-lebih lagi jika Presiden itu kaya dengan pengalaman, bijak dan berpengetahuan luas, serta dipercayai dan dihormati PM,' ujar beliau.

Mengenai keputusan pemerintah untuk menyokong mana-mana calon pula, Encik Shanmugam berkata pemerintah berhak mengutarakan pandangannya tentang mana-mana calon tetapi pada akhirnya, terserah pada warga Singapura untuk memutuskan sendiri.